



**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
BIL. 12/2022**

**TAFSIRAN WARIS KADIM BAGI URUSAN DI BAWAH AKTA TANAH (KAWASAN
PENEMPATAN BERKELOMPOK) 1960 [AKTA 530] DI NEGERI SEMBILAN
DARUL KHUSUS**

1. Tujuan

Arahan ini adalah sebagai panduan kepada semua warga kerja pentadbiran tanah di seluruh Negeri Sembilan berkaitan tafsiran waris kadim bagi urusan di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [Akta 530] di Negeri Sembilan Darul Khusus.

2. Latar Belakang

- 2.1. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan (MMKNS) melalui Kertas Mesyuarat No.509/2021 yang bersidang pada 3 Mac 2021 telah menimbang dan meluluskan **tafsiran waris kadim** yang akan digunakan bagi Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [Akta 530] di Negeri Sembilan adalah terdiri daripada **suami, isteri, ibu, bapa, anak (tidak termasuk anak angkat), cucu, adik-beradik seibu sebapa atau adik-beradik sebapa atau adik-beradik seibu kepada pemilik tanah.**
- 2.2. Perkataan “waris kadim” ini telah diterjemahkan berdasarkan perkataan “*next-of-kin*” seperti yang diperuntukkan dalam subseksyen 15(2A) Akta Tanah GSA 1960. Secara asasnya, perkataan “*next-of-kin*” ini bermaksud saudara terdekat yang mempunyai hubungan darah dengan

pemilik tanah dan / atau mempunyai hak untuk mewarisi harta pemilik tanah.

3. Pelaksanaan

3.1. **Tafsiran waris kadim** yang digunakan bagi Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [Akta 530] di Negeri Sembilan adalah terdiri daripada **suami, isteri, ibu, bapa, anak (*tidak termasuk anak angkat*), cucu, adik-beradik seibu sebapa atau adik-beradik sebapa atau adik-beradik seibu kepada pemilik tanah.**

3.2. Tafsiran seperti di para 3.1 telah digunakan sebelum ini secara khusus dalam:

3.2.1. **Pekeliling PTGNS BIL 3/2021**

Dasar Permohonan Pindahmilik/Pajakan/Gadaian Bagi Hakmilik Di Bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [Act 530] Di Negeri Sembilan Darul Khusus;

3.2.2. **Arahan PTGNS BIL 11/2022**

Permohonan Bagi Pendaftaran Sebagai Pemegang Amanah Di Bawah Subseksyen 344(2), Kanun Tanah Negara [Akta 828].

3.3. Walau bagaimanapun perwakilan kuasa Pihak Berkuasa Negeri kepada Pentadbir Tanah melalui WKNS NO: 271/07.07.2011 yang berkuatkuasa dari 17 Ogos 2006 iaitu kuasa Pentadbir Tanah untuk meluluskan atau menolak permohonan memindah milik tanah dalam Kawasan Penempatan Berkelompok (yang ada sekatan kepentingan), seperti berikut:

- i) daripada ibu atau bapa kepada anak atau menantu dan sebaliknya;
- ii) daripada suami kepada isteri dan sebaliknya; atau
- iii) antara adik - beradik

adalah **tidak tertakluk kepada tafsiran waris kadim** ini.

4. Tarikh Kuatkuasa

Arahan ini berkuatkuasa serta merta dan hendaklah dipatuhi sepenuhnya.



(DATO' HAJI ISHAK BIN MD NAPIS)

Pengarah Tanah dan Galian Negeri,
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tarikh : 8 Ogos 2022

Rujukan : Bil (97) dlm. PTGNS.10/17 klt.3.